

## PENGENALAN



Unit Hemodialisis Hospital Sungai Siput mula beroperasi pada 15hb. September 2005 dengan 5 orang pesakit dengan kekuatan 4 unit mesin dialisis sahaja. (pesakit-pesakit ini ditukarkan dari Hospital Ipoh). Perkhidmatan yang diberi adalah rawatan haemodialisis pada pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang tahap akhir (*End stage renal failure*). Unit ini memberi perkhidmatan kepada pesakit di-sekitar kawasan daerah Sungai Siput, Ini memudahkan pesakit bagi mendapatkan rawatan dialisis kerana kebanyakan Pusat Rawatan Dialisis swasta hanya berada di Bandar Ipoh dan Kuala Kangsar sahaja. Hanya sebuah pusat Dialisis swasta sahaja yang beroperasi di Sungai Siput ini dan kuota kerusi telah dipenuhi.

Upacara pembukaan rasmi bangunan ini telah disempurnakan oleh YB. Dato' Dr. Chua Soi Lek. Menteri Kesihatan Malaysia, pada hari Khamis bertarikh 18hb Mei 2006. Selepas pembukaan secara rasmi penambahan 4 unit mesin dialisis diperolehi. Pada tahun 2012, bangunan tambahan telah dibina dengan penambahan 5 '*point RO*' untuk penambahan ruang dan mesin rawatan bagi menampung jumlah pesakit yang menunggu untuk mendapatkan

rawatan di Hospital Sungai Siput. Pada tahun 2014, 5 buah mesin *dialysis* dan sebuah mesin *reprosesor* baru diperoleh dan mula digunakan. Kini jumlah keseluruhan peralatan khusus bagi perawatan Hemodialisis di Hospital Sungai Siput adalah seperti berikut:

- Mesin *Dialisis* sebanyak 13 unit. (1 unit diletakkan pada *mode spare* mengikut kehendak Pensijilan Akreditasi)
- Mesin *Reprosesor* sebanyak 3 unit.
- Mesin *RO* sebanyak 1 unit bersama 3 *mambrane*.

Tahun 2024, setelah 4 tahun menempuh pandemic Covid namun segala prosidur mengikut SOP yang ditetapkan senantiasa diamalkan bagi mengelakkan sebarang bentuk penularan mahupun jangkitan berlaku. Diharapkan pada tahun 2025, sebuah '*Medical Chiller*', 1 buah mesin dialysis dan 1 buah mesin penimbang yang mana berstatus (*V4*) serta 1 buah *vital sign* mesin yang uzur dimana syarikat pengeluaran telah menamatkan produksi produk tersebut dapat digantikan.

Bagi tahun 2024, amalan norma baru serta SOP sentiasa diamalkan bagi mengelakkan penularan atau jangkitan virus tersebut bukan sahaja terhadap pesakit, bahkan kepada anggota unit hemodialysis ini. Antara SOP yang masih dikekalkan di unit hemodialysis adalah dengan:

- Pesakit perlu hadir ke unit dan pulang ke rumah masing-masing mengikut masa yang telah ditetapkan bagi mengelakkan kesesakan di ruang menunggu pintu masuk ke unit ini.
- Setiap anggota perlu memakai pakaian klinikal, *face mask*, *face shield*, *glove* dan *apron* ketika bertugas dan mengendalikan pesakit bagi mengelakkan sebarang jangkitan dari berlaku seandainya berlaku pesakit atau anggota yang dijangkiti Covid-19 tetapi tiada symptom.
- Semua pesakit dan anggota diwajibkan memakai *facemask* ketika berada di dalam unit hemodialysis.

## 1. OBJEKTIF UNIT HAEMODIALISIS:

Sentiasa memberi Perkhidmatan Perawatan dan Pendidikan Kesihatan yang berkesan.

## 2. FUNGSI UNIT HAEMODIALISIS:

Unit ini member rawatan haemodialisis kepada pesakit '*End Stage Renal Failure*' yang layak mengikut criteria tertentu. Masa rawatan setiap pesakit adalah 4 jam untuk 3 kali seminggu. Rawatan hanya diberi kepada pesakit yang terdapat di dalam program.

## 3. AKTIVITI UTAMA

3.1 Rawatan Kronik Haemodialisis (*Long Term Haemodialisis*) bagi pesakit bagi kes kegagalan buah pinggang (*ESRF*)

3.2 Dr.Thong Kah Mean, dan Dr. Lee Wai Wai, Pakar Nefrologi Perubatan UD54 dari Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh merupakan pakar lawatan khas berkala untuk memeriksa pesakit yang menjalankan rawatan dialisis di Unit Haemodialisis Hospital Sungai Siput, empat kali dalam tahun 2024. Tarikh lawatan ialah:

- 19 Januari 2024
- 25 April 2024
- 25 July 2024
- 25 Oktober 2024

Pakar Nefrologi boleh dihubungi pada bila-bila masa sahaja..jika ada kes kecemasan atau untuk mendapatkan nasihat.

## 4. AKTIVITI-AKTIVITI QA UNIT HAEMODIALISIS TAHUN 2024

### 5.1 Performance Indicators for Chronic Dialysis Treatment.

(a) **KT/V >1.2**. Sekurang-kurangnya 80% daripada jumlah pesakit harus mencapainya. Program ini dijalankan 4 kali setahun dengan *online monitoring*.

Pencapaian:

|                    |                  |         |
|--------------------|------------------|---------|
| Suku Tahun Pertama | 49 orang pesakit | 89.8 %  |
| Suku Tahun Kedua   | 49 orang pesakit | 89.8 %  |
| Suku Tahun Ketiga  | 46 orang pesakit | 95.65 % |
| Suku Tahun Keempat | 48 orang pesakit | 97.92 % |

- (b) *Measured Haemoglobin level of patient on dialysis at centre.*  
(Standard: > 70 % of dialysis patients achieved Hb > 10g/dl).

Aktiviti ini juga dijalankan 4 kali dalam setahun.

Pencapaian:

|                    |                  |         |
|--------------------|------------------|---------|
| Suku tahun pertama | 49 orang pesakit | 79.59 % |
| Suku tahun kedua   | 49 orang pesakit | 85.71 % |
| Suku tahun ketiga  | 46 orang pesakit | 86.96 % |
| Suku tahun keempat | 48 orang pesakit | 91.67 % |

- (c) *Audit Perkhidmatan Hemodialysis Negeri Perak.*

Aktiviti ini dijalankan setiap tahun dimana auditor merupakan Pengurus dari pusat rawatan Hemodialisis seluruh negeri Perak yang diagihkan untuk mengaudit secara rawak. Skop dan sasaran audit yang ditetapkan adalah mengikut *Standard Clinical Practise Guideline Nephrology*. Hasil dari audit yang telah dijalankan oleh Auditor dari Hosp. Kampar iaitu En. Junaidi Bin Ramli, PPP U6 dan En. Jamiludin Bin Samsudin, PPP U7 (TBK) dari unit Hemodialisis Hosp. Seri Manjung, unit Hemodialysis Hosp. Sg. Siput memperoleh 96% markah keseluruhan.

## 5. BEBAN KERJA


Jumlah mesin yang ada kini 13 buah mesin (mengikut point yang sedia ada) iaitu 11 buah mesin untuk *non-hepatitis* dan 2 buah mesin untuk *hepatitis C*. Dari 13 mesin, 1 unit mesin Hemodialisis telah pun berstatus *BER*. Unit ini juga telah lengkap mempunyai 3 buah *Reprocessor* yang mana penggantian bagi sebuah mesin yang sebelum ini berstatus V4 telah pun mendapat penggantian pada tahun 2024.

Berikut adalah jadual perbandingan bilangan rawatan dialysis yang diberi kepada pesakit-pesakit di unit Hemodialisis Hospital Sungai Siput dari tahun 2017 sehingga 2024.

| Tahun | Bilangan dialisis |
|-------|-------------------|
| 2017  | 8404 dialisis     |
| 2018  | 7970 dialisis     |
| 2019  | 8090 dialisis     |
| 2020  | 8056 dialisis     |
| 2021  | 7740 dialisis     |
| 2022  | 7484 dialisis     |
| 2023  | 7510 dialisis     |
| 2024  | 7371 dialisis     |

Berikut disertakan graf menunjukkan beban kerja yang meningkat di Unit Haemodialisis Hospital Sungai Siput. Ratio bagi seorang anggota bagi setiap pesakit adalah mengikut ketetapan Nefrologi Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia mulai tahun 2020 adalah 1 anggota: 4 pesakit. Jumlah pesakit terkini (sehingga Disember 2024) adalah seramai 48 orang. Jumlah asal pesakit sedia ada pada awal tahun 2024 adalah 49 orang sepanjang tahun 2024, terdapat 3 orang pesakit telah meninggal dunia. Penambahan secara mesyuarat pemilihan pesakit dilakukan pada mesyuarat pertama bagi tahun 2024 pada 24 hb Januari. Bagi tahun 2024 seramai 5 orang pesakit telah diambil masuk dan dari 5 orang pesakit yang diambil, seramai 4 orang diambil dari senarai menunggu manakala kemasukkan pesakit melalui ‘priority’ adalah seramai 1 orang. **Bagi tahun 2024, pakar Nefrologi Y/M unit ini mengekalkan sasaran pesakit yang akan menjalani rawatan Hemodialisis di Hospital Sungai Siput seramai 50 orang maksimum bergantung pada bajet tahunan dan penambahan anggota paramedik.**


***JUMLAH DIALYSIS YANG DILAKUKAN DARI 2018-2024***




***JADUAL MENUNJUKKAN JUMLAH DIALYSIS DAN JUMLAH PESAKIT TAHUN 2024.***

| Bulan     | Jumlah Dialysis | Jumlah Pesakit |
|-----------|-----------------|----------------|
| Januari   | 646             | 48             |
| Februari  | 591             | 48             |
| Mac       | 623             | 48             |
| April     | 615             | 47             |
| Mei       | 638             | 50             |
| Jun       | 572             | 50             |
| Julai     | 619             | 48             |
| Ogos      | 606             | 48             |
| September | 594             | 48             |
| Oktober   | 633             | 46             |
| November  | 609             | 46             |
| Disember  | 625             | 46             |
| Jumlah    | 7371 Dialysis   |                |


**GRAF MENUNJUKAN JUMLAH PESAKIT DIALISIS MENGIKUT BULAN TAHUN 2024.**



**GRAF MENUNJUKAN JUMLAH DIALISIS MENGIKUT BULAN TAHUN 2024.**



**GRAF MENUNJUKAN JUMLAH PESAKIT MENGIKUT BANGSA BAGI TAHUN 2024  
DI UNIT HAEMODIALISIS**



## 6. KEDUDUKAN STAFF.

- 1 orang Penolong Pengawai Perubatan U32 (Sijil Renal Pos Basik)
- 2 orang Penolong Pengawai Perubatan U29 (Sijil Renal Pos Basik)
- 3 orang Jururawat Terlatih U32 (KUP) (Sijil Renal Pos Basik)
- 2 orang Jururawat Terlatih U29
- 3 orang Pembantu Perawatan Kesihatan U3 (2 Lelaki dan 1 perempuan)

**Jumlah kakitangan Unit: 11 orang**

## 7. SHIF DIALISIS:

Pada hari Isnin, Rabu, Jumaat tiga sesi dialisis telah dijalankan manakala hari Selasa, Khamis dan Sabtu dua sesi dijalankan. Shif ini dikekalkan sehingga mendapat arahan dari Pakar Y/M.

## 8. PERALATAN

Unit Haemodialisis Hospital Sungai Siput setakat ini berfungsi dengan kekuatan 1 buah mesin *Reverse Osmosis 3 membran* yang mampu menampung maksimum 13 outlet, 3 buah *reprosesor*, 13 mesin *dialysis* yang mana 11 buah adalah untuk Non- Hepatitis dan 2 untuk *hepatitis C* dan 3 buah mesin *Patient Monitor* untuk pengambilan tekanan darah pesakit sebelum, setiap jam rawatan serta di akhir rawatan pesakit.


## 9. WAITING LIST (Senarai Menunggu)

Buat masa ini terdapat 32 orang daripada kawasan daerah Sg.Siput, Salak, Kanthan dan Chemor di dalam senarai menunggu bagi memohon untuk mendapat tempat rawatan haemodialisis di Unit Haemodialisis, Hospital Sungai Siput dan ianya akan sentiasa meningkat dari tahun ke tahun berikutnya.

## 11. MASALAH YANG DIHADAPI

- **1 buah mesin Haemodialisis** yang telah mencapai tempoh jangka hayat (lebih dari 12 tahun). Mesin berstatus BER dan kerap kali mengalami kerosakkan dan kos baik pulih tidak lagi ekonomikal.
- **Penolong Pegawai Perubatan masih tidak mencukupi mengikut ‘wisn’.** Penolong Pegawai Perubatan diperlukan penambahan sekurang-kurangnya 2 orang lagi bagi menampung bebanan kerja mengikut nisbah anggota dan jumlah pesakit.
- **Sebuah unit Penimbang yang boleh digunakan untuk pesakit berkerusi roda tanpa perlu turun dari kerusi roda mereka bagi kegunaan pesakit yang uzur.**
- **1 unit *patient monitor* yang sedia ada di unit ini telah uzur** serta sering mengalami kerosakkan. Kini unit tersebut telah pun dilupuskan. Diharapkan 1 unit penggantian dan 1 penambahan unit *patient monitor* baru dapat diperolehi pada tahun 2025 agar perkhidmatan terhadap pesakit berjalan dengan lancar. (Ia diharap berlaku pada tahun 2022, 2023 dan tahun 2024 namun tidak kesampaian)
- **Klinik Pakar**  
Unit Hemodialysis masih lagi menggunakan ruangan rawatan pesakit bagi urusan lawatan Klinik Pakar Nefrologi. Ruangan yang sempit serta tiada ‘privacy’ pesakit bersama pakar apabila perbincangan bersama dilakukan (gambaran seperti dalam lampiran). Cadangan untuk pembesaran ruangan stor basah telah dibuat pada tahun 2017 dan tahun-tahun seterusnya agar barangan ubatan basah dapat ditempatkan kerana ruangan asal untuk Klinik Pakar kini telah menjadi tempat penyimpanan barangan ubatan basah.





## 14. PELAN TINDAKAN UNIT TAHUN 2024

| BI<br>L | AKTIVITI<br>/STRATEGI                                                                                                     | KUMPULAN<br>SASARAN                                                          | INDIKATOR                                                                         | SASARAN<br>PENCAPAI<br>AN                                                                                                                   | PIHAK<br>BERTANGGUNGJAWA<br>B                  | TEMPOH<br>PERLAKSANAAN | PENCAPAIAN                                                                                                                                                           |
|---------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------|------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.      | <b>Meningkatkan Mutu Perkhidmatan Di Unit Haemodialisis Hospital Sungai Siput.</b>                                        |                                                                              |                                                                                   |                                                                                                                                             |                                                |                        |                                                                                                                                                                      |
| 1.1     | Kemaskini pendaftaran rawatan harian ( kes haemodialisis ) SMRP dalam online tiap-tiap hari dialisis.                     | Kakitangan Unit Hemodialisis .                                               | - Sasaran dapat mendaftar 100% dalam online rawatan harian untuk tahun 2022       | 100 %                                                                                                                                       | Kakitangan Unit Hemodialisis                   | Berterusan             | 100%                                                                                                                                                                 |
| 1.2     | Mengurangkan jumlah senarai menunggu untuk kes dialisis<br><br><b>(PENAMBAHAN PESAKIT DIALISIS KEMASUKKAN KE HDU,HSS)</b> | Pesakit menunggu giliran untuk mendapatkan rawatan di unit Hemodialisis HSS. | Sasaran dapat mengurangkan senarai menunggu kepada 5-10 % dari jumlah sedia ada . | Senarai sehingga kini berjumlah 32 orang. Sasaran pengurangan 5-10 % setiap tahun bergantung pada jumlah bajet pengurusan rawatan diterima. | -PPP U32<br><br>-Kakitangan Unit Hemodialisis. | Berterusan             | Seramai 3 orang pesakit baru dari senarai menunggu dan 1 orang diambil mengikut priority telah ditambah pada tahun ini tetapi senarai menunggu juga turut bertambah. |
| 1.3     | Memastikan setiap pesakit mencapai KPI iaitu bacaan urea ( KT/V) dibawah 1.2                                              | -Semua kakitangan Unit Hemodialisis                                          | Semua pesakit di Unit Hemodialisis                                                | >80%                                                                                                                                        | Semua kakitangan Unit Hemodialisis             | Berterusan             | Purata bagi tahun 2024 93.23%. Menurun sedikit dari tahun sebelumnya.                                                                                                |
| 1.4     | Mengurang masa menunggu untuk mendapatkan rawatan setiap sesi rawatan                                                     | -Pesakit .                                                                   | -memastikan tercapainya masa menunggu kurang dari 30 minit untuk pesakit          | 100%                                                                                                                                        | Semua kakitangan Unit Hemodialisis             | Berterusan             | 100%                                                                                                                                                                 |
| 1.5     | Memastikan Kes-kes perlu saringan tidak tercicir dari saringan TB ,Hepatitis/HIV                                          | Kakitangan Unit Hemodialisis                                                 | Semua pesakit                                                                     | 100%                                                                                                                                        | Kakitangan Unit Hemodialisis/ Link Nurse HDU   | Berterusan .           | 100%                                                                                                                                                                 |
| 1.6     | Memastikan audit ubat-ubatan oleh Farmasis                                                                                | Kakitangan Unit hemodialisis                                                 | - Markah 'A' setiap audit                                                         | Markah 'A'                                                                                                                                  | Kakitangan Unit Hemodialisis                   | Berterusan             | Markah A tercapai                                                                                                                                                    |

|  |                        |  |  |  |  |  |                          |
|--|------------------------|--|--|--|--|--|--------------------------|
|  | mencapai<br>markah 'A' |  |  |  |  |  | sepanjang<br>tahun 2024. |
|--|------------------------|--|--|--|--|--|--------------------------|

## 15. KESIMPULAN

Unit Hemodialisis, Hosp. Sungai Siput merupakan salah satu unit yang penting dalam pemberian rawatan buah pinggang bagi masyarakat sekitar Sungai Siput dan kawasan sempadannya seperti Chemor dan Karai. Dengan beberapa masalah berkaitan jumlah bajet yang sering diutarakan setiap tahun, jumlah anggota yang kritikal (tidak menepati nisbah jumlah anggota dan pesakit), beberapa peralatan yang uzur, dan pelbagai masalah yang diutarakan, pemberian rawatan tidak dapat diberikan seoptimum yang mungkin. Justeru, diharap perkara-perkara ini dapat dipertimbangkan di peringkat turus atas agar kelancaran proses perawatan bagi masyarakat Sungai Siput dan kawasan sekitarnya dapat diberikan dengan baik dan InshaaAllah sedikit sebanyak dapat memuaskan hati pesakit yang menunggu untuk mendapatkan rawatan di unit ini.

### Disediakan Oleh :

**AHMAD RASHIDI B. HJ. HUSSAIN**  
**PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN U32**  
**Merangkap Pengurus**  
**UNIT HEMODIALISIS**  
**HOSPITAL SUNGAI SIPUT.**

